

## 1.0 NAMA

- 1.1 Karnival Kokurikulum Matrikulasi (KAKOM)

## 2.0 PENGELOLAAN

- 2.1 Dikelolakan oleh Bahagian Matrikulasi dengan kerjasama Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kolej MARA.
- 2.2 Bagi maksud pengelolaan, Bahagian Matrikulasi telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Induk bertanggungjawab tentang perkara-perkara dasar.
- 2.3 Manakala sebuah Jawatankuasa Pengelola yang membuat perancangan dan mengelolakan semua program dan aktiviti KAKOM dibantu oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil dengan tugas-tugas khas adalah Urusetia KAKOM. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memastikan segala keputusan Jawatankuasa Induk dilaksanakan.

## 3.0 ACARA YANG DIPERTANDINGKAN

BIL	JENIS SUKAN	KATEGORI / ACARA	
1	Bola Sepak	Lelaki	Pasukan
2	Bola Jaring	Wanita	Pasukan
3	Petanque	Wanita	Triple
4	Bola Tampar	Lelaki Wanita	Pasukan Pasukan
5	Olahraga	Lelaki Wanita	Individu dan Berpasukan Individu dan Berpasukan
6	Badminton	Lelaki Wanita	Perseorangan dan Beregu Perseorangan dan Beregu
7	Hoki	Lelaki Wanita	Pasukan Pasukan
8	Squasy	Lelaki Wanita	Perseorangan Perseorangan
9	Boling	Lelaki Wanita	Pasukan / Master Pasukan / Master

#### 4.0 BILANGAN PESERTA DAN PEGAWAI

Bil	Acara	Kategori	Pemain		Simpanan		Jumlah				Jumlah	
							Pelajar		Pegawai*			
			L	W	L	W	L	W	L	W		
1	Bola Sepak	L	9	-	5	-	14	-	2	-	16	
2	Bola Jaring	W	-	7	-	3	-	10	-	2	12	
3	Petanque	W	-	2	-	1	-	3	-	1	4	
4	Bola Tampar	L	6	-	6	-	12	-	2	-	14	
		W	-	6	-	6	-	12	-	2	14	
5	Olahraga	L/W	15	15	-	-	15	15	3	3	36	
6	Badminton	L	3	-	-	-	3		1	-	4	
		W	-	3	-	-	-	3	-	1	4	
7	Hoki	L	7	-	3	-	10	-	2	-	12	
		W	-	7	-	3	-	10	-	2	12	
8	Skuasy	L	1	-	-	-	1		1		2	
		W	-	1	-	-	-	1			1	
9	Boling	L	3	-	-	-	3		1	-	4	
		W	-	3	-	-	-	3	-	1	4	
10	Ketua Kontinjen		-	-	-	-	-	-	*1		1	
11	Urusetia		-	-	-	-	-	-	*2		2	
12	Pemandu		-	-	-	-	-	-	*4		4	
<b>Jumlah</b>							<b>115</b>		<b>31</b>		<b>146</b>	

\* Terbuka tanpa kuota jantina

#### 5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Hanya peserta yang sedang mengikuti pengajian Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun semasa sahaja yang layak didaftarkan dalam sesuatu pasukan.
- 5.2 Peserta yang mengikuti program lain di Kolej Mara pada tahun semasa perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Induk KAKOM
- 5.3 Hanya pasukan yang didaftarkan dengan yuran penyertaan acara ( mengikut PERATURAN AM 6 ) sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.

- 5.4 Peserta-peserta gantian selepas taklimat pengurus pasukan tidak dibenarkan.
- 5.5 Setiap pasukan hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan sahaja.
- 5.6 Seorang peserta dibenarkan mengambil bahagian dalam satu (1) pertandingan sahaja.
- 5.7 **Borang Pengesahan Penyertaan** yang telah disahkan oleh Ketua Kontinjen perlu dihantar kepada **Urusetia KAKOM sebulan sebelum karnival berlangsung**.

## 6.0 YURAN PENYERTAAN

- 6.1 Yuran KAKOM 2017 adalah seperti yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Induk KAKOM.
- 6.2 Yuran Penyertaan

Bola Sepak	RM 500.00
Bola Jaring	RM 400.00
Badminton (L)	RM 200.00
Badminton (W)	RM 200.00
Bola Tampar (L)	RM 500.00
Bola Tampar (W)	RM 500.00
Skuasy (L)	RM 100.00
Skuasy (W)	RM 100.00
Petanque	RM 300.00
Boling	RM 600.00
Hoki (L)	RM 500.00
Hoki (W)	RM 500.00
Olahraga	RM 2000.00
<hr/>	
Jumlah	RM 6400.00

## 7.0 JAWATANKUASA TEKNIKAL, PERTANDINGAN DAN KEPEGAWAIAN KAKOM

- 7.1 Jawatankuasa Pengelola akan melantik dengan rasminya seorang **Pengerusi Jawatankuasa Teknikal, Pertandingan dan Kepegawaian KAKOM**.
- 7.2 Jawatankuasa Induk KAKOM akan melantik dengan rasminya Pengerusi Teknik untuk setiap jenis permainan yang dipertandingkan.

- 7.3 Tanggungjawab **Pengerusi Jawatankuasa Teknikal, Pertandingan dan Kepegawaian KAKOM** adalah seperti berikut:-
- 7.3.1 Melantik pegawai-pegawai teknikal dan pengadil / hakim yang **bertauliah** setelah berbincang dengan Jawatankuasa Teknik, Pertandingan dan Kepegawaian.
- 7.3.2 Melawat dan mengesahkan venue sebelum pertandingan bersama-sama Pengerusi Teknik dan penyelaras setiap permainan/acara.
- 7.4 Tugas Pengerusi Teknik setiap permainan/acara adalah seperti berikut:
- 7.4.1 Menyediakan jadual pertandingan.
- 7.4.2 Bertanggungjawab atas sebarang perubahan jadual pertandingan.
- 7.4.3 Menyedia dan melaksana peraturan pertandingan.
- 7.4.4 Memastikan pegawai teknikal menjalankan tugas.

## 8.0 PENENTUAN KEMENANGAN

- 8.1 Penentuan Johan keseluruhan KAKOM adalah berdasarkan kepada jumlah kutipan **pingat emas**. Sekiranya bilangan pingat emas sama, maka bilangan **pingat perak** diambil kira. Jika masih sama, bilangan **pingat gangsa** diambil kira. Jika masih lagi sama, kiraan mata dalam pungutan mata keseluruhan acara yang disertai akan diambil kira untuk semua acara yang dipertandingkan seperti berikut:-

KEDUDUKAN	1	2	3	4	5
MATA	8	5	3	2	1

- 8.2 Sekiranya keputusan masih sama, johan bersama diisyiharkan.
- 8.3 Penentuan ini adalah berdasarkan kepada **semua acara pelajar sahaja** yang dipertandingkan bagi sesuatu kontinjen.

## 9.0 KEMUDAHAN

- 9.1 Jawatankuasa Pengelola bertanggungjawab menyediakan semua venue pertandingan yang berkaitan dengan pelaksanaan KAKOM.
- 9.2 Peralatan pertandingan disediakan oleh pasukan yang bertanding.
- 9.3 Pakaian seragam dan peralatan sukan peserta adalah menjadi tanggungjawab kontinjen masing-

masing.

## 10.0 JAWATANKUASA TATATERTIB ( DISIPLIN / TINDAKAN HUKUMAN)

- 10.1 Jawatankuasa Tatatertib terdiri daripada lima ( 5 ) orang iaitu:
  - 10.1.1 Timbalan Pengarah Bahagian Matrikulasi atau wakil, KPM
  - 10.1.2 Pengerusi Jawatankuasa Pengelola KAKOM ( Pengarah )
  - 10.1.3 Setiausaha Jawatankuasa Induk KAKOM atau wakil ( KPP HEP BMKPM )
  - 10.1.4 Setiausaha II Jawatankuasa Induk KAKOM ( KJPP )
  - 10.1.5 Ex-officio Jawatankuasa Induk KAKOM atau wakil ( PP HEP BMKPM )
- 10.2 Jawatankuasa Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan daripada pegawai pertandingan dan pengadil serta membuat keputusan tentang pasukan atau pemain atau pegawai.
- 10.3 Jawatankuasa Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat lanjut daripada mana-mana pihak yang berkaitan perkara yang dibincangkan itu untuk membuat keputusan.
- 10.4 Semua keputusan Jawatankuasa Tatatertib adalah muktamad.

## 11.0 PENANGGUHAN

- 11.1 Sekiranya keadaan cuaca tidak mengizinkan untuk perlawanan diteruskan, seperti hujan lebat, kilat dan petir, keadaan padang yang becak, cuaca gelap dan sebagainya, maka pengadil dengan persetujuan Pengerusi Teknik acara tersebut berhak menangguhkan perlawanan.
- 11.2 Perlawanan yang ditangguhkan itu akan ditentukan seperti berikut:
  - 11.2.1 Sekiranya perlawanan ditangguhkan sila rujuk peraturan penangguhan setiap peraturan pertandingan permainan.
  - 11.2.2 Sekiranya perlawanan ditunda ke hari yang lain, sila rujuk peraturan penangguhan setiap peraturan permainan.
  - 11.2.3 Pengerusi Teknik mempunyai autoriti untuk menangguh dan mengubah jadual atau tempat pertandingan dengan memaklumkan terlebih dahulu kepada Pengurus Pasukan sebelum pertandingan dijalankan.
  - 11.2.4 Pengerusi Teknik menetap semula perlawanan yang tertangguh dan seterusnya memaklumkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Teknik Pertandingan dan Kepegawaian

KAKOM tentang perubahan yang dibuat.

- 11.2.5 Tarikh, masa dan venue pertandingan yang telah dijadualkan adalah **MUKTAMAD**.
- 11.2.6 Sekiranya pengadil memberhenti perlawanan kerana sikap penonton, pegawai atau pemain satu pasukan yang tidak memuaskan akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib.

## 12.0 BANTAHAN DAN RAYUAN

- 12.1 Semua bantahan dan rayuan perlu dikemukakan oleh Pengurus Pasukan secara bertulis kepada Pengerusi Juri Rayuan atau wakil, tidak lewat daripada tiga puluh (30) minit selepas perlawanan itu tamat.
- 12.2 Setiap bantahan hendaklah disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM 200.00 secara tunai** ( Ringgit Malaysia: Dua Ratus Ringgit Sahaja ).
- 12.3 Wang pertaruhan akan lopus jika bantahan atau rayuan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar dan ditolak.

## 13.0 JAWATANKUASA JURI RAYUAN

- 13.1 Jawatankuasa Juri Rayuan terdiri daripada tujuh (7) orang yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk KAKOM:
  - 13.1.1 Pengerusi Jawatankuasa Pengelola KAKOM atau wakil ( Pengerusi ).
  - 13.1.2 Ketua Penolong Pengarah HEP Bahagian Matrikulasi atau wakil ( Ex-officio ).
  - 13.1.3 Pengerusi Jawatankuasa Teknikal, Pertandingan dan Kepegawaian KAKOM atau wakil.
  - 13.1.4 Tiga ( 3 ) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat.
  - 13.1.5 Pengerusi Teknik yang terlibat.

## 14.0 KESELAMATAN DAN KEMALANGAN

- 14.1 Jawatankuasa Pengelola/Teknik dan Pertandingan tidak bertanggungjawab atas kehilangan barang-barang atau harta benda peribadi pegawai atau peserta di arena pertandingan, sebarang kemalangan, kecederaan dan kematian pada masa pertandingan dijalankan. Semua pegawai dan peserta dinasihatkan mengambil tindakan dan persediaan sewajarnya bagi mengelakkan kemungkinan kehilangan dan kemalangan itu. Walaubagaimanapun segala usaha akan diambil

oleh Jawatankuasa Pengelola/Teknik dan Pertandingan untuk menjaga keselamatan diri, harta pegawai dan peserta.

## 15.0 HADIAH KEMENANGAN

15.1 Hadiah-hadiah akan diberi kepada pemain dan pegawai.

15.2 Hadiah akan diberi kepada pemenang tempat :

**Johan, Naib Johan dan Ketiga bersama untuk acara yang dipertandingkan**

BIL	ACARA	JOHAN		NAIB JOHAN		KE-3		KE-3	
		PEM	PEG	PEM	PEG	PEM	PEG	PEM	PEG
1	Bola Sepak	14	2	14	2	14	2	14	2
2	Bola Jaring	10	2	10	2	10	2	10	2
3	Petanque	3	1	3	1	3	1	3	1
4	<b>Badminton</b>								
	Lelaki								
	Individu	1	1	1	1	1	1	1	1
	Beregu	2	1	2	1	2	1	2	1
	Wanita								
	Individu	1	1	1	1	1	1	1	1
	Beregu	2	1	2	1	2	1	2	1
5	<b>Bola Tampar</b>								
	Lelaki	12	2	12	2	12	2	12	2
	Wanita	12	2	12	2	12	2	12	2
6	<b>Skuasy</b>								
	Lelaki								
	Individu	1	1	1	1	1	1	1	1
	Wanita								
	Individu	1	1	1	1	1	1	1	1
7	<b>Hoki</b>								
	Lelaki	10	2	10	2	10	2	10	2
	Wanita	10	2	10	2	10	2	10	2
8	<b>Olahraga</b>								
	<b>Lelaki</b>								
	100 meter	1		1		1			
	200 meter	1		1		1			
	400 meter	1		1		1			
	800 meter	1		1		1			
	1500 meter	1		1		1			
	5000 meter	1		1		1			
	5000 meter J/Kaki	1		1		1			
	4 x 100 meter	5		5		5			
	4 x 400 meter	5		5		5			
	Lontar Peluru	1		1		1			
	Lempar Cakera	1		1		1			
	Lompat Kijang	1		1		1			
	Lompat Jauh	1		1		1			
	Lompat Tinggi	1		1		1			
	<b>Wanita</b>								
	100 meter	1		1		1			

200 meter	1		1		1			
400 meter	1		1		1			
800 meter	1		1		1			
1500 meter	1		1		1			
3000 meter	1		1		1			
3000 meter J/Kaki	1		1		1			
4 x 100 meter	5		5		5			
4 x 400 meter	5		5		5			
Lontar Peluru	1		1		1			
Lempar cakera	1		1		1			
Lompat Kijang	1		1		1			
Lompat Jauh	1		1		1			
Lompat jauh	1		1		1			
9 Boling								
Lelaki	4	2	4	2	4	2	4	2
Wanita	4	2	4	2	4	2	4	2
JUMLAH	131	23	131	23	131	23	87	23
					572			

## 16.0 PERATURAN TEKNIKAL / SISTEM PERTANDINGAN

- 16.1 Jawatankuasa Teknikal akan menetapkan sistem pertandingan bagi setiap jenis acara sukan yang dipertandingkan dalam KAKOM dengan perundingan wakil Kolej-kolej Matrikulasi dan Kolej-kolej MARA serta Pengerusi Teknik setiap acara yang dipertandingkan berdasarkan keputusan Jawatankuasa Induk KAKOM
- 16.2 Format pertandingan yang ditetapkan adalah berdasarkan jumlah pasukan yang akan bertanding, tempoh pertandingan KAKOM serta kemudahan yang ada pada pihak tuan rumah.
- 16.3 Semua jenis permainan / acara yang dipertandingkan dalam KAKOM akan dijalankan menurut undang-undang permainan semasa yang diiktiraf badan sukan antarabangsa.

## 17.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 17.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 17.2 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan borang pendaftaran yang lengkap dengan senarai nama peserta yang **disahkan** oleh Ketua Kontinjen. Setiap pasukan dikehendaki mengemukakan salinan kad matrik yang telah disahkan.

## 18.0 MENARIK DIRI / MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA

- 18.1 Menarik diri (gagal menamatkan jadual pertandingan tanpa mendapat persetujuan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan) atau memberi kemenangan percuma tidak dibenarkan. Jika berlaku,

- pasukan berkenaan tidak dibenarkan lagi menyertai perlawanan seterusnya dan perlawanan-perlawanan yang terdahulu dikira batal.
- 18.2 Jika satu pasukan membantah dan keluar dari padang permainan maka pasukan itu secara automatik dianggap menarik diri daripada keseluruhan pertandingan dan pasukan berkenaan tidak dibenarkan lagi menyertai perlawanan seterusnya dan perlawanan-perlawanan yang terdahulu dikira batal.
- 18.3 Tindakan disiplin terhadap pasukan yang menarik diri akan diambil oleh Jawatankuasa Tatatertib Pertandingan KAKOM.

## 19.0 PENGUNDIAN

- 19.1 Pengundian akan dijalankan oleh Jawatankuasa Pengelola bersama wakil setiap kolej.
- 19.2 Keputusan pengundian adalah muktamad.

## 20.0 PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

- 20.1 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola KAKOM dan keputusannya adalah muktamad.
- 20.2 Peraturan Am hendaklah dirujuk bersama dengan Peraturan Pertandingan sukan-sukan berkenaan.

## 21.0 HAL-HAL LAIN

- 21.1 Penyesuaian gelanggang hanya dibenarkan dengan kebenaran Pengerusi Teknik atau Penyelaras permainan / acara berkenaan.
- 21.2 Sebarang keputusan yang dibuat semasa taklimat pengurus-pengurus pasukan bagi setiap permainan / acara adalah muktamad dan tidak boleh dibantah asalkan tidak bercanggah dengan Peraturan Am KAKOM serta keputusan Jawatankuasa Induk.
- 21.3 Segala bantahan mengenai kesahihan status peserta tidak boleh dibuat oleh mana-mana pihak setelah diterima dan disahkan oleh Urusetia KAKOM.
- 21.4 Jawatankuasa Pengelola juga mempunyai kuasa mutlak memeriksa kelayakan peserta-peserta yang didaftarkan pada bila-bila masa. Sekiranya terdapat peserta yang tidak layak menyertai karnival ini seperti yang tercatat di dalam Peraturan Am KAKOM dan peraturan pertandingan,

tindakan berikut akan diambil:

- 21.4.1 Pasukan/ pemain akan dibatalkan;
- 21.4.2 Jika pasukan / pemain yang dibatalkan memenangi pingat, kemenangan tersebut akan dibatalkan dan pingat-pingat yang dimenangi akan ditarik balik.

### ETIKA PESERTA

Peserta ialah pelajar yang telah dipilih dan didaftar oleh Kolej Matrikulasi untuk mengambil bahagian dalam pertandingan KAKOM

1. Setiap peserta dikehendaki patuh kepada Peraturan Am KAKOM dan undang-undang serta peraturan pertandingan yang disertai.
2. Setiap peserta hendaklah menghormati dan patuh pada keputusan-keputusan yang dibuat oleh pihak pengelola dan Urusetia Teknikal KAKOM.
3. Peserta dikehendaki patuh kepada keputusan pengadil / referi / hakim.
4. Setiap peserta ditegah membantah keputusan pengadil / referi / hakim.
5. Setiap peserta dikehendaki patuh pada syarat-syarat dan peraturan-perturan mengenai pakaian yang telah ditetapkan mengikut pertandingan yang disertai.
6. Setiap peserta ditegah merosakkan sebarang kemudahan dan alatan yang disediakan oleh pihak jawatankuasa kerja (pengelola KAKOM).
7. Setiap peserta adalah bertanggungjawab menjaga dan memulangkan semula semua barang dan alatan yang telah disediakan oleh jawatankuasa kerja dalam keadaan baik.
8. Sebarang bantahan mengenai pertandingan hendaklah dikemukakan melalui pengurus pasukan kepada Urusetia KAKOM.
9. Penggunaan bahasa kasar / kesat / lucah atau isyarat lucah adalah dilarang dan akan di hadapkan ke Jawatankuasa Disiplin.
10. Segala tindak tanduk peserta haruslah menggambarkan seorang pelajar matrikulasi yang penuh dengan semangat kesukuan.
11. Segala tingkah laku dan disiplin peserta KAKOM adalah di bawah tanggungjawab pegawai kontinjen kolej matrikulasi masing-masing.
12. Peserta adalah tertakluk kepada Akta 174.

## ETIKA PEGAWAI

Pegawai ialah individu yang telah dilantik oleh Kolej Matrikulasi untuk melaksanakan apa jua tugas seperti Ketua Kontinjen, Pengurus Pasukan, Ketua Jurulatih, Jurulatih atau jawatan lain yang berkaitan.

1. Setiap pegawai dikehendaki patuh kepada Peraturan Am KAKOM dan undang-undang serta peraturan pertandingan yang disertai.
2. Setiap pegawai hendaklah menghormati dan patuh pada keputusan-keputusan yang dibuat oleh pihak pengelola dan Urus Setia Teknikal KAKOM.
3. Setiap pegawai dikehendaki patuh kepada keputusan pengadil / referi / hakim. Jika membuat bantahan hendaklah patuh kepada keputusan yang dibuat oleh Juri Rayuan. Sebarang bantahan hendaklah dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan.
4. Ketua Kontinjen / pengurus pasukan adalah bertanggungjawab menjaga tatatertib kontinjen / pasukan masing-masing dan dikehendaki menunjukkan contoh yang baik.
5. Setiap pegawai adalah bertanggungjawab mempastikan bahawa segala peraturan mengenai kemudahan penginapan, makanan, pertandingan, pengangkutan dan kemudahan lain yang disediakan, dipatuhi oleh kontinjen / pasukan masing-masing.
6. Sebarang bantahan semasa kejohanan hendaklah dikemukakan oleh pengurus pasukan kepada Urus Setia KAKOM.
7. Penggunaan bahasa kasar / kesat / lucah atau isyarat lucah adalah dilarang sama sekali.
8. Segala tindak tanduk pegawai haruslah menggambarkan seseorang yang patut dicontohi, dihormati dan menunjukkan semangat kesukunan yang tinggi.